



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN (PEREDARAN ANTARABANGSA) (KENDERAAN BARANGAN RENTAS SEMPADAN ASEAN)

Selaras dengan kuasa yang diperuntukan dalam seksyen 144A Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] dan Peraturan 5(3)(a) Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) 2023, Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat dengan ini menetapkan Keperluan Tahap Perkhidmatan iaitu syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh semua pemegang permit perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) seperti yang dinyatakan di Lampiran A.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah menjadi dan dianggap sebagai sebahagian serta hendaklah dibaca bersama-sama lesen pengendali yang dikeluarkan kepada pemegang permit perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN).

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah berkuat kuasa pada 1 JANUARI 2024.

Bertarikh pada 1 Januari tahun 2024

Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat
Agensi Pengangkutan Awam Darat
Kementerian Pengangkutan Malaysia

SYARAT – SYARAT PELESENAN

Bahagian I – Pematuhan

1. Pemegang Permit hendaklah mematuhi Keperluan Tahap Perkhidmatan Kenderaan Barangan semasa menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN).
2. Pemegang Permit hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah domestik negara anggota ASEAN semasa menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) di mana-mana negara anggota ASEAN tersebut.

Bahagian II – Dokumen

1. Pemegang Permit hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dipamerkan di dalam kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) yang dilesenkan:
 - (a) Perakuan Pemeriksaan PUSPAKOM yang masih berkuat kuasa;
 - (b) Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa; dan
 - (c) Pelekat Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN.
2. Pemegang Permit hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) Lesen Vokasional (GDL) yang masih berkuat kuasa;
 - (b) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa;
 - (c) Permit Kenderaan yang masih berkuat kuasa;
 - (d) Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN yang masih berkuat kuasa;
 - (e) salinan Permit Perkhidmatan yang terkini;
 - (f) Insuran Pihak Ketiga yang masih berkuat kuasa;
 - (g) *Consignment Note/ Waybill* yang sah; dan
 - (h) *Transit Accompanying Document (TAD)* yang sah.
3. Tiada sebarang perubahan kepada Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN dan Pelekat Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN boleh dibuat tanpa mendapat kelulusan rasmi daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

Bahagian III – Spesifikasi Kenderaan

1. Pemegang Permit hendaklah memastikan Pelekat Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN jelas kelihatan setiap masa di sisi kiri cermin hadapan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) semasa menjalankan pergerakan rentas sempadan.

2. Pemegang Permit hendaklah memastikan tanda pengenalan antarabangsa “MAL” jelas kelihatan setiap masa di bahagian belakang kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) semasa menjalankan pergerakan rentas sempadan.

Bahagian IV – Pemandu

1. Pemegang Permit hendaklah memastikan pemandu mematuhi peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah domestik negara anggota ASEAN semasa menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) di mana-mana negara anggota ASEAN tersebut.

Bahagian V – Operasi

1. Pemegang Permit adalah dibenarkan untuk menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) tanpa had transaksi perjalanan merentas sempadan dengan menggunakan mana-mana laluan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Protokol 1 Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Kemudahan Barangan dalam Transit (AFAFGIT).
2. Pemegang Permit hendaklah memastikan pemandu yang menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) hanya menggunakan laluan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Protokol 1 Perjanjian AFAFGIT.
3. Pemegang Permit hendaklah memastikan pemandu yang menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan (peredaran antarabangsa) (kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN) hanya menggunakan pintu sempadan antara negara-negara anggota ASEAN sebagaimana yang dinyatakan di bawah Protokol 2 Perjanjian AFAFGIT.